

**SOALAN NO: 269**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**YB Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membina Hospital Kerajaan di Kawasan Parlimen Puchong dan sekiranya tidak, kenapa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM belum ada perancangan untuk membina sebuah hospital di kawasan Parlimen Puchong memandangkan penduduk sekitar Puchong masih boleh mendapatkan perkhidmatan di hospital berhampiran seperti Hospital Serdang (13km) dan Hospital Putrajaya (12 km). Didalam RMK 10, pihak Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan bagi menaiktaraf kedua-dua buah hospital ini bagi menampung kedatangan pesakit yang semakin meningkat. Selain itu, pembangunan sebuah Klinik Kesihatan Puchong yang baru menggantikan klinik sediada juga dijangka bermula sebelum akhir tahun ini (2015).

Didalam RMK11, KKM juga telah memohon untuk membangunkan sebuah hospital baru di Cyberjaya bagi menampung keperluan penduduk sekitarnya Cyberjaya, Putrajaya termasuk sebahagian penduduk di kawasan Puchong.

Untuk perancangan jangka masa panjang, KKM sedia mempertimbangkan cadangan pembangunan sebuah hospital di Puchong sekiranya terdapat tapak yang sesuai bagi tujuan ini.